

**GARIS PANDUAN
UNTUK
MENGIMPOR DAN MENGEKSPORT
TUMBUH-TUMBUHAN
SABAH, MALAYSIA**

Para pembawa yang ingin membawa masuk tumbuhan ke Sabah dan Sarawak laut, Semenanjung Malaysia dan terutamanya Labuan, Sarawak hendaklah terlebih dahulu memperoleh sesuatu 'Permit Untuk Mengimport Tumbuh-Tumbuhan' di bawah peraturan-peraturan kuarantini di Malaysia.

Garis Panduan Am.

1. Bagaimana mengimport ?

a) Pembawa hendaklah mengisi dengan lengkap borang 'Permohonan Untuk Mengimport Tumbuh-Tumbuhan'.

b) Permohonan dikemukakan kepada :
Pengerah Pertanian,
Jabatan Pertanian,
(Seksyen Kuarantin)
88632 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

c) Pengimport mestilah memenuhi keperluan-keperluan fitosanitasi yang diendoskan dalam permit yang dikeluarkan.

2. Apakah tumbuhan dan bahan pertanian yang boleh diimport ?

A. Bahan Larangan.

a) Sesuatu tumbuhan atau bahagiannya, atau kompos pengakaran, atau media pertumbuhan kecuali di bawah sesuatu permit.

b) Pengimportan tanah (sahaja atau yang melekat pada tumbuh-tumbuhan) atau sebarang tumbuh-tumbuhan yang membawa haiwan perosak atau penyakit adalah dilarang sama sekali.

B. Bahan sekatan.

Pengimportan sesuatu 'Hevea species, Theobroma Cacao L. (Koko), Cocoa nucifera (Kelapa), Elaeis guineensis (Kelapa sawit), atau lain-lain tumbuhan yang dikenali sebagai perumah perosak atau penyakit yang berbahaya dilarang melainkan jika-

a) pengimportan itu adalah dibuat bagi maksud penyelidikan;
b) dikonsaikan kepada Pengerah Pertanian Sabah;
c) tumbuhan itu tertakluk untuk dikuarantin selapas masuk.

C. Bahan tiada larangan.

a) Sesuatu tumbuhan yang diimport untuk makanan, ubat atau bagi maksud pengilangan; atau

b) Sesuatu tumbuhan yang diproses tetapi boleh dikenalkan pemeriksaan.

- melainkan jika dari negara-negara di manakum bang khapra ada terdapat hendaklah dirawat oleh negara-negara pengeksport dengan disebutkan di dalam Sijil Fitosanitasi yang dikeluarkan.

3. Syarat-syarat am bagi pengimportan.

Setiap konsaimen yang diimport hendaklah disertakan dengan Permit Import yang sah,

dan Sijil Fitosanitasi yang dikeluarkan tidak lebih dari 14 hari sebelum menghantar konsaimen itu.

b) Sesuatu tumbuhan hanya boleh diimport melalui tempak pemeriksaan masuk yang ditetapkan.

c) Semua bahan tumbuhan yang diimport dan ditanam untuk pemeriksaan dan dilepaskan sekira didapati bebas daripada sebarang perosak / penyakit.

4. Penalti.

Seseorang yang -

a) melanggar sesuatu peraturan-peraturan ini, atau sengaja menentang, menyekat, menghalang atau merintang seseorang Inspector Kuarantin dari menjalankan tugas atau kuasanya; atau

b) tidak mematuhi apa-apa sekatan atau syarat-syarat yang dikenakan keatas mana-mana Permit Import; atau

c) membuat keterangan salah atau palsu; atau

d) gagal atau enggan memberi maklumat apabila diketendaki berbuat demikian atau dengan mengetahui memberi maklumat palsu atau tidak lengkap; atau

e) dengan niat jahat membawa masuk sesuatu makhluk perosak, atau sesuatu tumbuhan ke dalam Malaysia,

adalah menjadi satu kesalahan, dan boleh, apabila bersabit, dikenakan denda tidak lebih dari sepuluh ribu ringgit atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali.

5. Fee dikenakan.

a) Lima belas ringgit dikenakan untuk satu Permit Import berkenaan dengan sesuatu konsaimen yang adalah sah bagi tempoh tiga bulan daripada tarikh ia dikeluarkan.

b) Fee sebanyak dua puluh ringgit boleh dikenakan untuk pemeriksaan, pembasmian kuman atau perawatan tumbuh-tumbuhan bagi setiap jam perawatan atau sebahagian daripadanya.

6. Bagaimana mengeksport ?

a) Memohon sesuatu Permit dari negara pengimport supaya memahami syarat-syarat mereka.

b) Memperolehi sesuatu Sijil Fitosanitasi setelah tumbuhan diperiksa oleh Jabatan Pertanian dan memastikan pengeksportan mematuhi syarat-syarat pengeksport.

c) Nasihat boleh didapati dari Jabatan Pertanian (Seksyen Kuarantin) samada Permit Cites atau Lesen Eksport diperlukan.

7. Apakah Permit Cites ?

Jalah sesuatu Permit untuk mengawal pengeksportan tumbuh-tumbuhan khususnya spesies yang terancam pupus ke luar negara.

8. Adakah Lesen Eksport diperlukan ?

Jabatan Pertanian (Seksyen Kuarantin) yang mengawal pengeksportan tumbuh-tumbuhan akan

menasihati samada Lesen Eksport diperlukan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988.

9. Adakah penalti dikenakan dari pengeksportan tumbuh-tumbuhan tanpa kebenaran yang berkenaan?

Sesuatu tumbuhan khususnya spesies yang terancam pupus atau bernilai yang dieksport tanpa kebenaran adalah menjadi satu kesalahan, dan boleh, apabila bersabit, di bawah

- Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997; dan / atau
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988;

akan dikenakan denda tidak lebih dari lima puluh ribu ringgit atau penjara selama lima tahun atau kedua-duanya sekali.

10. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Jabatan Pertanian,
(Seksyen Kuarantin Tumbuhan),
88632 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.
No. Tel. 088 - 283268



GARIS PANDUAN
UNTUK

MENGIMPORT DAN MENGEKSPORT

TUMBUH-TUMBUHAN
SABAH
MALAYSIA

JABATAN PERTANIAN
SABAH, MALAYSIA